

Isnin, Apr 02 2018

BR1M BANTU RINGANKAN BEBAN

vm 2/4



SAIFULIZAM MOHAMAD

rencanautusan@gmail.com

PAK CIK Budin seorang bekas tentera menerima pencen kira-kira RM900 sebulan. Dengan wang sebanyak itu, dia meneruskan hidup secermat yang mungkin memandangkan masih terdapat dua orang lagi anaknya yang menuntut di universiti.

Isterinya, mak cik Zainab seorang suri rumah tangga dan tidak pernah bekerja sejak mereka berkahwin. Harapkan tiga lagi anak yang sudah bekerja kantung mereka cukup-cukup makan sahaja memandangkan ketiga-tiga anaknya yang sudah berkahwin itu tinggal di bandar.

Bagaimanapun, mereka adalah anak-anak yang bertanggungjawab. Walaupun pendapatan tidaklah setinggi mana, mereka tetap memberi pak cik Budin dan mak cik Zainab wang belanja setiap bulan. Bagi menambahkan pendapatan, pak cik Budin mengambil upah menoreh di kebun getah milik seorang penduduk kampung.

Dalam usianya yang sudah menjangkau 65 tahun pak cik Budin terpaksa juga gagahkan dirinya bekerja memandangkan dua anaknya masih belajar apatah lagi dalam keadaan kos sara hidup yang semakin tinggi.

Justeru, apabila nama pak cik Budin disenarai sebagai penerima Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) ketika bantuan itu mula diperkenalkan pada 2012, dia memanjat rasa syukur ke hadrat Allah SWT serta mengucap jutaan terima kasih kepada kerajaan.

Mungkin bagi mereka yang kaya dan berada, tidak merasa apa-apa dengan skim seperti BR1M ini tetapi bagi golongan seperti pak cik Budin, pemberian bantuan sebanyak RM1,200 setahun (bermula 2017) adalah satu nikmat yang amat besar artinya.

Dengan wang tambahan sebanyak itu, pak cik Budin boleh membelanjakannya untuk keperluan dirinya, isteri serta dua orang anaknya yang masih belajar. Apa yang dialami oleh pak cik Budin ini adalah contoh sekumpulan rakyat yang benar-benar memerlukan bantuan secara langsung seperti ini daripada pihak kera-



BR1M pada tahun ini dijangka memanfaatkan kira-kira tujuh juta penerima dengan peruntukan sebanyak RM6.8 bilion dan secara keseluruhannya pemberian BR1M telah memberi manfaat kepada 4.7 juta isi rumah serta 2.7 juta individu bujang di seluruh negara setiap tahun. - UTUSAN/MAHATHIR ALI

BR1M
Bantuan Rakyat 1Malaysia

2012 - 2018

Kategori	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018
eKasih ($< RM1,000$)					RM1,050		
Isi Rumah ($< RM3,000$)	RM500	RM500	RM650	RM950	RM1,000	RM1,200	RM1,200
Isi Rumah (RM3,001 - RM4,000)			RM450	RM750	RM900	RM900	RM900
Individu ($< RM3,000$)		RM250	RM300	RM350	RM400	RM450	RM450

* Mulai 2017, kategori eKasih diserapkan ke kategori isi rumah

jaan demi mengurangkan beban hidup mereka.

Berdasarkan kisah pak cik Budin dapatlah kita simpulkan bahawa kerajaan Barisan Nasional (BN) yang diterajui oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak tidak pernah mengabaikan kebajikan rakyat terutama golongan berpendapatan rendah sebaliknya terus berusaha meningkatkan pendapatan kumpulan berkenaan melalui pemberian BR1M.

Oleh itu, tidak hairanlah kerajaan terus memperluaskan pemberian BR1M mengikut kategori rakyat sejak mula skim itu diperkenalkan. Apa yang boleh kita katakan BR1M tidak bersifat statik malah kerajaan sentiasa membuat penambahbaikan agar lebih banyak golongan rakyat yang tidak berkemampuan turut menerima BR1M.

Ketika mula-mula diperkenalkan, hanya keluarga berpendapatan isi rumah RM3,000 sebulan dan ke bawah layak menerimanya. Kadar yang diberikan pula adalah sebanyak RM500

setahun. Pada tahun berikutnya (2013), BR1M diperluaskan kepada golongan individu berpendapatan RM3,000 ke bawah sebulan dengan kadar yang diberikan sebanyak RM250.

Pada 2014, kadarnya telah ditingkatkan kepada RM650 bagi keluarga berpendapatan isi rumah RM3,000 ke bawah sebulan dan RM300 bagi individu berpendapatan RM3,000 ke bawah. Pada tahun itu juga BR1M turut diberikan kepada keluarga pendapatan isi rumah antara RM3,001 hingga RM4,000 sebulan dengan jumlah yang ditetapkan sebanyak RM450.

Pada 2016, BR1M terus diperluaskan kepada peserta e-kasih (di bawah RM1,000) dengan kadar yang diberikan sebanyak RM1,050. Bermula 2017 kategori ini telah diserapkan ke dalam kategori isi rumah RM3,000 ke bawah.

Sehingga 2017 kadar pemberian BR1M ini terus meningkat. Pada tahun tersebut, jumlah BR1M yang diberikan kepada

keluarga berpendapatan isi rumah RM3,000 ke bawah telah mencecah RM1,200. Pemberian BR1M untuk kategori individu berpendapatan RM3,000 ke bawah pula ditambah sehingga RM450.

Untuk kategori keluarga pendapatan isi rumah antara RM3,001 hingga RM4,000 jumlah BR1M yang mereka terima adalah sebanyak RM900. Dalam pada itu, kadar BR1M untuk tahun ini adalah sama seperti jumlah yang ditetapkan pada tahun lalu.

BR1M pada tahun ini dijangka memanfaatkan kira-kira tujuh juta penerima dengan peruntukan sebanyak RM6.8 bilion dan secara keseluruhannya pemberian BR1M telah memberi manfaat kepada 4.7 juta isi rumah serta 2.7 juta individu bujang dari seluruh negara setiap tahun.

Selain BR1M, kerajaan juga memperkenalkan beberapa inisiatif yang bertujuan mengurangkan kos sara hidup rakyat antaranya seperti Bantuan Khas Awal Persekolahan 1Malaysia. Objektifnya adalah untuk mengurangkan beban kewangan ibu bapa atau penjaga yang berkelayakan pada permulaan sesi persekolahan.

Di bawah bantuan ini, ibu bapa atau penjaga yang layak menerima bantuan sebanyak RM100. Sebanyak 3.5 juta pelajar sekolah rendah dan menengah telah mendapat manfaat daripada bantuan tersebut setiap tahun.

Begitu juga dengan langkah kerajaan memperkenalkan Baukar Buku 1Malaysia (BB1M) yang sehingga kini telah memberi manfaat kepada 1.2 juta pelajar institut pengajian tinggi, swasta serta tingkatan enam.